

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
(SEPANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 21.03.2016

Y.B. TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN [SEPANG] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah sebenar keseluruhan kutipan GST yang Kerajaan perolehi sehingga 31 Disember 2015; dan
- (b) dan daripada jumlah di (a) di atas , berapa jumlah yang telah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Yang Disatukan (Consolidated Fund) dan berapakah pula jumlah yang TIDAK dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Yang Disatukan dan mengapa ia tidak dimasukkan dan dimana ia disimpan.

JAWAPAN

(a) Untuk makluman Yang Berhormat, hasil bersih kutipan GST iaitu setelah mengambil kira tuntutan kredit ke atas GST di peringkat input perniagaan bagi tempoh 1 April 2015 sehingga 31 Disember 2015 adalah sebanyak RM27.012 bilion.

(b) GST merupakan hasil Kerajaan Persekutuan. Oleh itu, kesemua kutipan tersebut akan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan bersama hasil-hasil Kerajaan Persekutuan yang lain.